

# Tunggak pasukan



## Alexis Sanchez

Penyerang Chile ini mengambil tujuh perlawanan sebelum meledakkan kehebatan dengan hatrik semasa kemenangan 5 – 2 ke atas Leicester minggu lalu. Selepas menyumbatkan 25 gol musim lalu, harapan lebih besar diletakkan di atas bahunya untuk mendapatkan gol-gol Arsenal. Tampak kepenatan pada awal musim selepas membantu pasukan negaranya menjuarai Copa Amerika dua bulan lalu, Sanchez membuktikan bahawa beliau kini kembali di tahap terbaiknya bagi menerajui serangan Arsenal.



## Anthony Martial

Mulanya dianggap sebagai 'pembelian panik' kelabnya, bintang muda Perancis ini membuktikan sentuhan cemerlang dengan tiga gol dalam Liga Perdana sejauh ini. Apabila beliau tidak menemui sasaran, Martial menjadi perintis gol seperti yang dilakukannya bagi gol jaringan kapten, Wayne Rooney, semasa kemenangan 3 – 0 ke atas Sunderland minggu lalu. Arsenal akan menerima padah jika tidak mengawasi pemain bertenaga dan penuh lincah ini.



### REKOD PERTEMUAN MUSIM LALU

22 November 2014

17 Mei 2015

**ARSENAL MANCHESTER UNITED**

**ARSENAL MANCHESTER UNITED**

**1 2**

**1 1**

PERTEMUAN SEJAK  
13 OKTOBER 1894

### REKOD KEMENANGAN PERTEMUAN

**ARSENAL MANCHESTER UNITED**

**BERKESUDAHAN SERI**

**221 x**

**95 80**

**46**



### ARSENAL

Nama gelaran: The Gunners  
Diasaskan: 1886 (129 tahun lalu)  
Padang: Stadium Emirates  
Kapasiti: 60,200

◀ Pengurus: Arsene Wenger  
Antara pemain utama: Petr Cech, Mesut Ozil, Santi Cazorla, Alex Oxlade-Chamberlain & Danny Welbeck



### MANCHESTER UNITED

Nama gelaran: The Red Devils  
Diasaskan: 1878 (137 tahun lalu)  
Padang: Old Trafford  
Kapasiti: 75,600

◀ Pengurus: Louis van Gaal  
Antara pemain utama: David de Gea, Wayne Rooney, Bastian Schweinsteiger, Memphis Depay & Marouane Fellaini